

Bertemakan 'Buku untuk semua', dengan penyertaan sebanyak 45 buah gerai sahaja pada peningkatan pertama penganjuran Pesta Buku Malaysia (PBM) mendadak kepada peningkatan sehingga empat kali ganda tahun ini. Ini merupakan satu perkembangan yang positif dalam pembangunan modal insan dan menggalakkan percambahan ilmu pengetahuan masyarakat majmuk Malaysia.

# PBM 2008 bantu pembangunan modal insan

Pendidikan merupakan inti pati kempen yang perlu diserapkan ke dalam jiwa golongan muda khususnya kerana sasaran untuk membaca buku menjadi sebahagian rutin kehidupan yang positif. Program ini dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan bersepadu demi memberi impak yang lebih efektif untuk Kempen Membaca 2008 ini.

Selain itu, penganjuran pesta buku ini merupakan susulan bagi Program Gerak Baca & Karnival Buku 2007 yang dianjurkan sebelum ini. Konsep Pesta Buku yang diketengahkan bercirikan tiga elemen utama iaitu publisiti, pendidikan dan kesinambungan.

Corak publisiti yang meluas dan dinamik diperlukan untuk menarik perhatian dan minat orang ramai agar bersama-sama menjayakan kempen yang dianjurkan. Ukuran kejayaan kempen bergantung pada kesinambungan daya usaha yang berterusan dalam memastikan minat membaca di kalangan rakyat terus meningkat.

Penganjuran program tersebut memberi impak secara progresif demi menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya hidup. Aktiviti dan pengisian kempen menjurus kepada motif dan objektif untuk menggalakkan semua lapisan masyarakat agar sentiasa minat membaca. Sekali gus, ia juga dapat memperkenalkan peserta dari kalangan industri buku kepada pengunjung dan penggemar buku.



Antara syarikat Bumiputera yang terlibat dalam PBM 2008.

Pengerusi BKM 2008, Mahader Ahmad Mohamed Ayub, berkata idea penganjuran program sebegini teretus oleh bekas Pengerusi Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MKBM), Allahyarham Tan Sri Datuk Abdul Rafei Mahat, dalam gerakan budaya membaca. Adalah menjadi harapan besar bagi Allahyarham agar akan ada penganjuran dan penambahan pelbagai aktiviti membudayakan ilmu yang

dapat memberi manfaat kepada umum.

"Penganjuran Pesta Buku Malaysia bukannya untuk menyaingi mana-mana penganjuran pesta buku yang lain, matlamat utama ialah untuk memupuk sebuah Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya. Masalah kegawatan yang melanda dunia bukan isu-untuk masyarakat beralih membelakangkan budaya membaca," katanya.

**Membaca itu menyeronokkan dan pastikan ia terus disemai**

Bak kata pepatah Melayu 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya,' sikap membudayakan amalan membaca ini perlu dilaksanakan sejak dari kecil lagi.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam



Kanak-kanak turut diberi peluang mencuba permainan tradisional.



Kanak-kanak berpeluang mengembangkan bakat kreatif dalam acara mewarna lukisan.

menanam minat anak-anak untuk membaca pelbagai jenis bacaan yang dapat menjana minda agar lebih kreatif serta kritis.

Kesinambungan program yang seumpamanya, jika dianjurkan secara kerap dan berterusan akan memastikan 'api semangat' gerakan membaca tidak mudah padam. Impak paling ketara apabila Kempen Membaca berjaya menampilkan kepada umum bahawa 'Membaca itu Menyeronokkan'.

Antara program lain yang dianjurkan ialah Kuiz Buku, Resensi Buku, dan promosi program 'Buku Sebagai Hadiah'. Perpustakaan Negara (PNM) pula bertanggungjawab mengembangkan aktiviti berkonsepkan ilmu seperti Telaga Minda, Langkah Ria, Gali Kata, Teka Silang Jawi/Pantas Jawi, Laman Cerdik Ceria Kanak-kanak, Sesi Melukis dan Mewarna, Kempen Keahlian PNM, Keahlian Kelab Membaca Kebangsaan dan Pameran Model Perpustakaan Keluarga.

Peluang yang ada harus digunakan oleh semua pelajar, tenaga pengajar dan peminat buku dalam memperoleh bahan bacaan atau rujukan bercetak di bawah satu bumbung atau lokasi. PWTC Kuala Lumpur dibangunkan sebagai 'syurga buku'. Penganjuran pesta buku sebegini mampu

meringankan dan menjimatkan kos pembelian buku dan bahan bacaan kepada pengunjung.

PBM 2008 merupakan kesinambungan program dan aktiviti berkaitan buku, membaca serta ilmu yang dianjurkan jalinan kerjasama oleh Invent Solution Sdn Bhd dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta dengan kerjasama PNM, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan MKBM.

Tidak dinafikan melalui aktiviti seperti ini ia dapat menyemarakkan semangat perpaduan berbagai lapisan rakyat untuk aktif membaca dan bertukar-tukar fikiran atau ilmu mengenai budaya dan warisan bangsa atau kaum. Peserta pameran juga menawarkan harga terendah (harga runtuh) dan diskaun khas jualan buku-buku dan bahan bacaan kepada pengunjung.

Ia juga dapat mendekatkan pengunjung dengan pengusaha, penerbit dan usahawan industri buku negara. Dianjurkan bersempena Kempen Membaca 2008 yang bermula dari 31 Julai hingga 3 Ogos lepas di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC).

Turut hadir pada PBM 2008 tersebut Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Teng Boon Soon.



Teng Boon Soon sempat membelek buku-buku yang terdapat di salah satu gerai pameran.